

28/06/2003

Pelantikan baru Kabinet, amanat PM topik utama

Teh Kean Kiat & Magendran Rajagopal

PENYUSUNAN semula Kabinet, Selasa lalu - yang ketiga sejak pilihan raya umum 1999 berikutan perubahan kepemimpinan MCA bulan lalu - diharap dapat

membantu parti itu kembali merapatkan barisan.

Nanyang Siang Pau, Rabu lalu, berpendapat penyusunan kali ini membawa erti istimewa kepada MCA kerana pemimpin daripada kedua-dua pasukan dijaga

dan ia dijangka dapat membantu parti terbabit dalam usaha bersatu semula.

Keputusan mengekalkan Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dilihat ada kebaikannya kerana satu daripada fungsi utama kementerian berkenaan ialah menjaga kampung baru yang secara tidak langsung memberi peluang kepadanya untuk merapatkan

hubungan dengan masyarakat Cina.

Selain itu, Ong juga boleh membina kewibawaan dan pengaruhnya melalui kementerian berkenaan. Pelantikan yang dicadangkan oleh MCA kali ini juga

membuktikan Ong bersikap adil terhadap semua pihak.

Akhbar itu berharap MCA dapat meneruskan usaha untuk bersatu dan berusaha melaksanakan tanggungjawab untuk menjaga kepentingan masyarakat Cina.

Penganalisis Nanyang Siang Pau, Rabu lalu berpendapat penyusunan kali ini menyamai keadaan pada 1984 apabila Presiden MCA tidak dilantik menjadi

Menteri Pengangkutan selepas peletakan jawatan Tan Sri Lee San Choon.

Pemangku presiden parti pada masa itu, Datuk Dr Neo Yee Pan, terus memegang jawatan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selepas pilihan raya umum selesai, jawatan Menteri Pengangkutan kembali

dipegang oleh presiden parti.

Rabu lalu, penganalisis Sin Chew Daily berpendapat, penyusunan Kabinet kali ini membawa keseimbangan kepada semua pihak dalam MCA kerana ia sekali gus menghapuskan keraguan 'Team B' dalam parti berkenaan.

Penyusunan kali ini juga membuahkan hasil kepada pemimpin MCA Pahang, Perak dan Selangor yang juga tiga negeri penting bagi parti itu.

Rabu lalu, China Press berpendapat pelantikan Datuk Dr Ng Yen Yen selaku

wanita pertama memegang jawatan Timbalan Menteri Kewangan Kedua membuktikan Malaysia bukan lagi sebuah negara konservatif.

Sin Chew Daily Rabu lalu, berpendapat selepas selesai penyusunan Kabinet, kini kerajaan harus menumpukan perhatian untuk meningkatkan tahap

keselamatan sosial dan mengembangkan ekonomi.

Sementara itu, Perhimpunan Agung Umno Ke-54 mendapat liputan meluas Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) minggu ini.

Kedua-dua akhbar berpendapat amanat yang diberikan Dr Mahathir turut memanfaatkan masyarakat bukan Melayu.

Nesan menyifatkan ucapan dasar serta penggulungan Dr Mahathir pada setiap Perhimpunan Agung Umno sebagai sesuatu yang sentiasa dinantikan segenap lapisan masyarakat, tidak kira penyokong Barisan Nasional (BN) atau pembangkang.

Akhbar itu dalam editorialnya menyatakan bahawa sengketa politik di antara Umno dan Pas bukan saja menyebabkan perpecahan di kalangan orang Melayu, tetapi turut merenggangkan hubungan mereka dengan kaum lain di negara ini.

Nanban pula melaporkan bahawa kekuatan Umno kini amat penting sebagai peneraju BN dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang, lebih-lebih lagi dengan penambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Akhbar itu melaporkan hanya Pas menjadi duri dalam daging kepada Umno dan BN sekarang kerana pengaruh DAP serta Keadilan semakin terhakis.

Pada masa yang sama, Nanban turut menyiarkan kebimbangan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, mengenai kemerosotan tahap peningkatan kadar penduduk berketurunan India di negara ini kerana ia mungkin menggugat kuasa politik yang lazimnya diukur berdasarkan jumlah pengundi.

Dalam perkembangan lain, Nesan dan Nanban turut melaporkan kekecewaan Samy Vellu terhadap kira-kira 6,000 penerima pinjaman Institut Pembangunan

Pendidikan Maju (MIED) yang enggan membayar balik hutang walaupun sudah bekerja sebagai profesional dalam pelbagai bidang.

Katanya, hanya kira-kira 30 peratus yang membayar balik ansuran hutang mereka mengikut jadual manakala selebihnya begitu liat untuk berbuat demikian, malah ada pula yang berkata mereka hanya mampu membayar RM50 sebulan sedangkan ada yang berhutang sebanyak RM50,000.

Samy Vellu berkata, kebanyakan mereka hanya mula membayar selepas tindakan mahkamah diambil tetapi jika bayaran bulanan hanya RM50, kutipan

mungkin terpaksa dibuat untuk 60 atau 70 tahun, sekali gus menjejaskan keupayaan MIED mengeluarkan pinjaman baru.

Sejak 1980, MIED, yang menjadi sayap pendidikan MIC, sudah mengeluarkan

lebih RM43 juta dalam bentuk pinjaman dengan purata RM6 juta hingga RM7 juta setiap tahun.

Tahun lalu saja, sejumlah 993 pelajar menerima pinjaman berjumlah RM12 juta.